

CONTOH SOALAN ULASAN

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya **antara 80 hingga 100 patah perkataan**.



Keperluan jawapan:

1. Ulasan hendaklah mempunyai perenggan **pendahuluan**, **isi** dan **penutup**.
2. Isi ulasan hendaklah terdiri daripada **isi tersurat** dan **isi tersirat**. (Sekurang-kurangnya dua isi tersurat dan dua isi tersirat)
3. Patuhi jumlah perkataan yang diminta dalam arahan.

Langkah-langkah menulis ulasan:

1. Kenal pasti isi tersurat dan isi tersurat yang terdapat dalam bahan grafik yang diberi.

Isi tersurat	Isi tersirat
Menziarahi jiran tetangga	Amalan menziarahi dapat dilakukan tanpa mengira masa, agama dan kaum.
Bertegur sapa dengan jiran	Masyarakat Malaysia terkenal dengan sikap yang ramah.
Menolong jiran yang ingin berpindah	Kita dapat mewujudkan masyarakat yang bekerjasama pada setiap masa.
Melawat jiran yang sakit	Sering bertanya perkhabaran orang yang berada di sekeliling kita.

2. Tulis ulasan seperti menulis karangan biasa.

Contoh Jawaban Lengkap

Jiran merupakan orang yang paling hampir dengan kita. Amalan kejiranan perlu disuburkan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Salah satu amalan kejiranan yang telah sebatih dalam kehidupan masyarakat Malaysia ialah [REDACTED]. Amalan tersebut amat mudah dipraktikkan kerana dapat dilakukan tanpa mengira masa, agama dan kaum. Selain itu, masyarakat di negara ini juga sudah [REDACTED]. Oleh itu, [REDACTED] sudah menjadi lumrah bagi kebanyakan kita. Setiap kali bertemu orang yang dikenali, pasti tangan akan dihulur untuk [REDACTED]. Konklusinya, amalan kejiranan yang menjadi sebahagian daripada rutin harian rakyat Malaysia telah menjadikan hubungan antara mereka [REDACTED].

(105 patah perkataan)

amalan bertegur sapa

bagai isi dengan kuku

amalan menziarah jiran tetangga

terkenal dengan sikap peramah

bersalaman sambil bertanya khabar